

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[PENGKALAN CHEPA]**

**SOALAN :**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan statistik terkini jumlah pendapatan isi rumah  
mengikut negeri.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS)** adalah merupakan penyiasatan berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun. Tujuan utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah dan juga untuk mengenal pasti golongan isi rumah miskin. HIS merupakan penyiasatan secara sampel yang meliputi negeri dan kawasan bandar dan luar bandar. Penemuan penyiasatan yang terkini adalah pada tahun 2014. Manakala penyiasatan yang terkini sedang dijalankan adalah pada tahun 2016.

Penemuan utama HIS 2014 mendapati pendapatan isi rumah bulanan penengah Malaysia telah meningkat kepada RM4,585 berbanding RM3,626 pada 2012 iaitu tumbuh pada kadar 11.7 peratus setahun. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan pendapatan penengah tertinggi iaitu RM7,620 diikuti oleh W.P. Putrajaya (RM7,512), Selangor (RM6,214), W.P. Labuan (RM5,684), Johor (RM5,197), Melaka (RM5,029) dan

Pulau Pinang (RM4,702). Negeri-negeri lain merekodkan pendapatan penengah di bawah paras nasional iaitu RM4,585.

Selain itu, pendapatan isi rumah bulanan purata Malaysia telah juga meningkat daripada RM5,000 pada 2012 kepada RM6,141 pada 2014. Ia merupakan peningkatan sebanyak 10.3 peratus setahun bagi tempoh 2012 hingga 2014.

Semua negeri mencatatkan peningkatan dalam pendapatan isi rumah bulanan purata di mana enam daripadanya melebihi kadar purata pertumbuhan nasional iaitu 10.3 peratus. Johor mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi iaitu sebanyak 14.4 peratus, diikuti oleh Kedah (13.4%), W.P. Putrajaya (12.5%), Melaka (12.0%), Perlis (11.4%) dan W.P. Kuala Lumpur (10.7%).

Sekian, terima kasih.

November 2016